

## **KAJIAN AWAL PROGRAM PEMERKASAAN PEKERJAAN UNTUK GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA PENGLIHATAN OLEH PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN DI SABAH**

Norhamidah Jarimal @ Safri<sup>1</sup>, \*Habibie Ibrahim<sup>2</sup>, Sabariah Sharif<sup>3</sup>, Balan Rathakrishnan<sup>4</sup>, Rosy Talin<sup>5</sup>, Joanne Lee Soon Ee<sup>6</sup>, & Ainur Amira Jopion<sup>7</sup>

<sup>1,2,3,4,5,7</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>6</sup>Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah

\*Corresponding e-mail: [hibrahim@ums.edu.my](mailto:hibrahim@ums.edu.my)

Received date: 22 November 2023; Accepted date: 14 February 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/sapj.v12i1.5071>

**Abstract:** *This study aims to explore the job empowerment program for visually impaired people (OKU) managed by non-governmental organizations (NGOs) in Sabah. The approach of this study is qualitative by using the case study method. Data collection using in-depth interviews using semi-structured question guides and observations. The study participants consisted of NGO managers and visually impaired people in Sandakan and Kota Kinabalu. Visually impaired participants are those who participate in empowerment programs managed by NGOs. Data were analyzed using thematic analysis by Braun and Clarke (2006). In Sabah, NGO organizations are fully supported by the state government under the coordination of the Sabah Community Services Council (MPMS). State government funds through MPMS are channeled to NGOs as support in providing appropriate programs for the empowerment of the disabled in Sabah. The results of the study found that there were three resulting themes, namely i) Providing skills and job opportunities; ii) Increased self-confidence; and iii) An environment that does not accept the presence of the disabled. It is hoped that government agencies and NGOs that represent the interests of the disabled can mobilize their energy to provide effective programs based on three themes that result in line with the policy of the disabled so that this group can enjoy rights, opportunities, and access fairly, inclusively in the community and empower the economy of the visually impaired.*

**Keywords:** *Empowerment programs, non-governmental organizations, visually impaired, inclusive*

**Abstrak:** Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka program pemeraksanaan pekerjaan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan yang dikelolakan oleh pertubuhan bukan kerajaan di Sabah. Pendekatan kajian ini adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Pengumpulan data menggunakan temubual secara mendalam dengan menggunakan panduan soalan berbentuk semi struktur, pemerhatian dan sumber dokumen. Peserta kajian terdiri daripada pengelola pertubuhan bukan kerajaan dan OKU penglihatan di Sandakan dan Kota Kinabalu. Peserta OKU penglihatan adalah mereka yang menyertai program pemeraksanaan yang dikelolakan oleh pertubuhan bukan kerajaan. Data dianalisis menggunakan analisis tematik oleh Braun dan Clarke (2006). Di Sabah, organisasi pertubuhan bukan kerajaan disokong penuh oleh kerajaan negeri di bawah penyelarasan Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS). Dana kerajaan negeri melalui MPMS disalurkan kepada pertubuhan bukan kerajaan sebagai sokongan dalam menyediakan program bersesuaian untuk pemeraksanaan golongan OKU di Sabah. Hasil kajian mendapati terdapat tiga tema yang terhasil iaitu i) Memberikan kemahiran dan peluang pekerjaan; ii) Peningkatan keyakinan diri; dan iii) Persekitaran yang kurang menerima kehadiran OKU. Diharapkan agar agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili kepentingan OKU dapat menggembeleng tenaga untuk menyediakan program berkesan berdasarkan tiga tema yang terhasil selaras dengan dasar OKU agar golongan ini dapat menikmati hak, peluang dan akses secara saksama, inklusif dalam masyarakat dan memperkasakan ekonomi OKU penglihatan.

**Kata Kunci:** Program Pemeraksanaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Orang Kurang Upaya Penglihatan, Inklusif

## PENGENALAN

Pertubuhan bukan kerajaan (*Non-Governmental Organization, NGO*) memainkan peranan yang besar terutama dalam sektor yang tidak dapat dipenuhi oleh agensi kerajaan dan sektor swasta. Organisasi ini mengisi ruang unik dan penting antara sektor swasta yang mementingkan keuntungan dan kerajaan yang mempunyai limitasi tertentu. Peranan pertubuhan bukan kerajaan dikenali sebagai sektor ketiga yang membantu menangani masalah sosial dan pelbagai keperluan sosial. Terdapat banyak pertubuhan bukan kerajaan yang bersifat kebajikan kini bergiat aktif membantu golongan rentan untuk menyelesaikan masalah sosial, memenuhi keperluan sosial, dan melakukan perubahan sosial. Justeru itu, pertubuhan bukan kerajaan berperanan penting dalam menyampaikan perkhidmatan berkesan kepada

kumpulan sasar mereka. Walau bagaimanapun, setiap pertubuhan bukan kerajaan perlu mendapatkan dana yang mencukupi agar objektif setiap organisasi dapat dicapai. Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS) merupakan salah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang menjadi payung serta bekerjasama dan membantu pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili kepentingan OKU agar organisasi ini dapat menggerakkan proses pertolongan dan kesejahteraan sosial masyarakat dapat dicapai.

Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS) telah ditubuhkan pada tahun 1954. Majlis ini ditubuhkan bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni dan penyayang agar setiap individu hidup dalam keadaan sihat, produktif, berdikari dan bebas, selaras dengan hak dan tanggungjawab masing-masing. Selaras dengan pendekatan MPMS ini, pertubuhan bukan kerajaan adalah salah satu medium utama dalam mencapai matlamat tersebut. Pertubuhan bukan kerajaan yang berdaftar adalah diberi tanggungjawab dalam menyampaikan perkhidmatan mereka berdasarkan dana dan sumbangan daripada MPMS agar kefungsiannya organisasi dan masyarakat dapat dicapai. Sememangnya sumber kewangan adalah sering menjadi kekangan utama sesebuah pertubuhan bukan kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan mereka. Oleh itu, MPMS adalah majlis yang memberi keistimewaan kepada ahlinya dalam tiga aspek iaitu bantuan kewangan, jaringan kerjasama dan latihan. Keistimewaan ini dipercayai akan melahirkan pertubuhan bukan kerajaan yang lebih produktif dalam menyampaikan pertolongan kepada kumpulan sasar.

### **Latar Belakang Kajian**

Program pemerksaan merujuk kepada inisiatif yang direka untuk memperkasa individu, entiti atau komuniti dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan, sosial dan seumpamanya. Objektif utama program pemerksaan adalah memberikan sumber, sokongan atau perubahan positif yang diperlukan agar individu, entiti dan komuniti mencapai potensi maksimum untuk memperbaiki keadaan mereka. Program pemerksaan oleh organisasi pertubuhan bukan kerajaan terhadap OKU penglihatan merupakan inisiatif murni untuk memberikan sokongan, bantuan dan peluang kepada mereka untuk menghadapi cabaran penglihatan. Program ini adalah penting

untuk membantu meningkatkan kualiti hidup mereka dan membolehkan mereka menyertai masyarakat secara lebih efektif.

Meneliti sejarah dan perkembangan kegiatan pertubuhan bukan kerajaan di Malaysia sebelum dan selepas pengistiharan kemerdekaan, ia dapat difahami melalui tema *communalism*, *welfarism*, *non-communism/universalism*, *cooperative* dan *confrontational*. Semasa zaman penjajahan, penubuhan pertubuhan bukan kerajaan dipengaruhi oleh sentimen perkauman atau *communalism* bagi mewakili kepentingan kaum iaitu Melayu, Cina dan India. Selain itu, penubuhan pertubuhan bukan kerajaan kebajikan juga bertujuan untuk menampung masalah-masalah yang disebabkan oleh kesan penghijrahan dari negara China dan India ke Tanah Melayu. Selepas pengisytiharan kemerdekaan, didapati terbentuk organisasi payung bagi menaungi pelbagai pertubuhan bukan kerajaan dan aktiviti lebih berfokus kepada memperjuangkan isu-isu yang bukan sentimen perkauman dan sejagat iaitu seperti *consumerism*, *environmental* dan *feminism*.

Organisasi pertubuhan bukan kerajaan dibahagikan kepada dua kategori umum oleh Willets (2002) iaitu operasi dan kempen. Pertubuhan bukan kerajaan operasi ialah kumpulan bukan kerajaan yang matlamat utamanya adalah untuk melaksanakan inisiatif pembangunan untuk kumpulan yang kurang mendapat perkhidmatan seperti golongan miskin, kurang upaya, warga emas dan tertindas. Organisasi kempen pula ialah kumpulan yang matlamat utamanya adalah untuk memberi kesan kepada sistem politik sesebuah negara. Bagi menyiapkan projek dan program mereka, pertubuhan bukan kerajaan yang beroperasi memerlukan sumber dalam bentuk pembiayaan, bekalan, atau buruh sukarela. pertubuhan bukan kerajaan yang berkempen lebih bergantung kepada sumber tidak ketara, seperti idea, pengalaman, kepakaran, dan masa sukarela daripada ahli dan orang lain, berbanding pertubuhan bukan kerajaan operasi untuk menggerakkan aktiviti yang mereka uruskan. Akibatnya, pertubuhan bukan kerajaan digambarkan sebagai aktor pembangunan yang boleh membantu dalam memupuk rentas rangkaian dan hubungan sosial yang boleh berfungsi sebagai asas untuk tindakan kumpulan dan penglibatan demokratik yang lebih besar.

Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS) merupakan salah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang bekerjasama dan membantu organisasi pertubuhan bukan kerajaan yang berdaftar agar pertubuhan ini dapat menggerakkan proses pertolongan dan kesejahteraan sosial masyarakat. MPMS ditubuhkan pada tahun 1954. Objektif penubuhan MPMS adalah untuk mewujudkan persekitaran yang harmoni dan penyayang agar setiap individu hidup dalam keadaan sihat, produktif, berdikari dan bebas, selaras dengan hak dan tanggungjawab masing-masing. Selaras dengan pendekatan MPMS ini, organisasi pertubuhan bukan kerajaan adalah salah satu medium utama dalam mencapai matlamat tersebut.

Sebanyak 22 organisasi pertubuhan bukan kerajaan yang telah berdaftar dengan MPMS untuk menyampaikan perkhidmatan kepada golongan rentan seperti Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, wanita dan kanak-kanak, pesakit dan pengiring penyakit berisiko serta program advokasi seperti kempen kesedaran. Organisasi pertubuhan bukan kerajaan yang berdaftar adalah diberi tanggungjawab dalam menyampaikan perkhidmatan mereka berdasarkan dana dan sumbangan daripada MPMS agar kefungsiannya organisasi dan masyarakat dapat dicapai.

Akta OKU telah diluluskan di Parlimen (Dewan Negara) pada 24 Disember 2007, seterusnya telah diwartakan pada 24 Januari 2008 dan dikuatkuasakan pada 7 Julai 2008. Akta OKU ini memberikan pengiktirafan hak OKU dan menukar konsep OKU daripada konsep kebajikan kepada konsep pendekatan berasaskan hak (*right-based*). Akta ini juga membolehkan OKU mempunyai hak persamaan peluang dan penyertaan penuh dalam masyarakat setara dengan ahli masyarakat yang lain. Selain itu, akta ini juga memperuntukkan perihal yang berkaitan dengan pendaftaran, perlindungan, pemulihan, pembangunan dan kesejahteraan OKU (Sakinah, 2020).

Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan agensi utama yang dipertanggungjawabkan untuk membantu golongan OKU. Antara perkhidmatan JKM ke atas golongan OKU adalah Pendaftaran Orang Kurang Upaya, Program Pemulihan dalam Komuniti, Perkhidmatan Institusi

Taman Sinar Harapan, Perkhidmatan Institusi Bengkel Daya, Perkhidmatan Institusi Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Program Perkhidmatan Job Coach, Program *Independent Living Centre* (ILC), Sekretariat Majlis Kebangsaan Bagi OKU (MKBOKU), Jawatankuasa di bawah Majlis Kebangsaan bagi OKU, Taska OKU, Pusat Khidmat Setempat (PKS), *Disability Equality Training* (DET) dan Pusat Jagaan ([www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)). Walaupun pihak JKM telah menyediakan pelbagai perkhidmatan ke atas golongan OKU, namun penglibatan badan-badan sukarela amat dialu-alukan. Hal ini bagi membuka ruang kepada aktiviti sukarelawan untuk sama-sama membantu golongan OKU dan tidak berlaku keciciran. Situasi ini ada dinyatakan oleh Turmusani et al. (2002) yang menyatakan bahawa masih terdapat kegagalan untuk menggalakkan penyertaan golongan OKU secara maksimum. Kesukaran untuk menjejaki golongan ini memerlukan aktiviti kesukarelawanan untuk mendekati mereka di kawasan-kawasan tertentu.

Berdasarkan Pelan Tindakan OKU (2016-2022) yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bahawa salah satu teras strategik pelan tersebut adalah memperkasakan ekonomi golongan OKU. Antara objektif yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i) Meningkatkan peluang pekerjaan OKU dalam semua sektor pekerjaan sama ada awam mahupun swasta;
- ii) Meningkatkan peluang golongan OKU untuk bekerja sendiri dengan menyertai bidang keusahawanan dan program permerkasaan ekonomi; dan
- iii) Menggalakkan penglibatan OKU dalam latihan vokasional dan lain-lain program sokongan pekerjaan yang disediakan oleh kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Usaha memperkasakan ekonomi golongan OKU adalah bagi memastikan penyertaan golongan OKU dalam pasaran pekerjaan terbuka, inklusif dan boleh diakses bagi membolehkan mereka hidup berdikari dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Menurut Charmilaa et al. (2022) data rasmi orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar pada tahun 2018 di Malaysia mengikut kategori ketidakupayaan adalah seramai 497,390 orang. Pecahan bilangan mengikut kategori ketidakupayaan adalah seperti berikut; ketidakupayaan pendengaran iaitu seramai 44,523 orang, ketidakupayaan penglihatan iaitu seramai 36,171 orang dan ketidakupayaan fizikal iaitu seramai 179,222 orang. Manakala, seramai 2,572 merupakan ketidakupayaan pertuturan, seramai 41,218 orang pula mengalami ketidakupayaan mental dan seramai 23,415 orang lagi mengalami lain-lain kategori ketidakupayaan.

Dalam kajian Hammad et al. (2018) mengenai isu dan cabaran golongan OKU penglihatan dalam pekerjaan, terdapat dua isu pekerjaan yang dihadapi oleh golongan OKU penglihatan di Malaysia iaitu peluang pekerjaan dan isu tempat kerja. Dari aspek peluang pekerjaan, terdapat sembilan cabaran utama yang dikenalpasti sering dihadapi oleh OKU penglihatan iaitu kesan daripada ketidakupayaan (*impairment effects*), usia, gender, tahap pendidikan, latihan dan program, keluarga, majikan, pengangkutan dan polis. Manakala dari aspek tempat kerja, terdapat empat cabaran utama yang sering dialami OKU penglihatan iaitu isu mobiliti dan aksesibiliti, kemudahan teknologi, majikan dan rakan sekerja serta risiko keselamatan. Isu-isu ini menyebabkan dilema yang ketara bagi mereka untuk bekerja dan memberikan implikasi negatif seperti tertekan untuk mendapatkan pekerjaan dan mencari sumber rezeki untuk meneruskan kehidupan.

Keberkesanan adalah perihal berkesan, berkesannya sesuatu tindakan, perubahan dan seumpamanya (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2007). Perkara ini mewujudkan hasil yang menyebabkan sesuatu perubahan berlaku ke atas pemikiran seseorang atau sesuatu golongan. Ini akan membawa kepada perubahan sikap, menimbulkan minat dan seumpamanya. Dalam penyelidikan ini, keberkesanan dimaksudkan sebagai hasil yang diperolehi oleh pengguna perkhidmatan dan peserta program daripada pelaksanaan program oleh pertubuhan bukan kerajaan di bawah MPMS. Program didefinisikan sebagai kumpulan aktiviti yang disusun dan direka bentuk untuk mencapai objektif-objektif yang tertentu (Royse et al., 2001).

Menurut Tyler (1950), penilaian adalah satu proses menentukan sejauh manakah objektif sesuatu program dapat dicapai. Bagi Alkin (1969), Cronbach (1963) dan Stufflebeam et al. (1971), penilaian adalah proses pengumpulan dan penggunaan maklumat untuk membuat keputusan. Manakala Suchman (1967) pula menyatakan bahawa penilaian adalah suatu usaha untuk mengenal pasti sama ada sesuatu program yang dijalankan dalam sesebuah organisasi atau institusi berjaya mencapai matlamat dan objektifnya.

Pemeriksaan membawa makna yang pelbagai dalam konteks yang berbeza. Ini termasuk bercakap dan didengari, *self-power*, membuat keputusan, boleh mengawal, bebas, mampu menuntut hak, diakui dan dihormati sebagai warganegara dan manusia (Karl, 1995; World Bank, 2002). Konsep pemeraksanaan bermula apabila individu atau kumpulan menyedari bahawa mereka boleh mengubah keadaan mereka. Ini adalah proses yang melibatkan kesedaran dan pembangunan kapasiti melalui pembaikan dan mengekalkan kemahiran yang membawa kepada penyertaan dalam membuat keputusan dan tindakan untuk perubahan (Sakinah, 2020).

Matlamat pemeraksanaan adalah supaya OKU dan ahli keluarga mereka dapat membuat keputusan sendiri dan bertanggungjawab mengubah kehidupan dan memperbaiki komuniti mereka. Kerajaan mahupun pertubuhan bukan kerajaan berperanan dalam menyumbang kepada proses pemeraksanaan dengan mempromosi, menyokong dan memudahkan penglibatan aktif golongan OKU dan keluarga mereka dalam isu yang mempengaruhi kehidupan mereka. Apa yang diinginkan adalah supaya OKU dapat membuat keputusan yang tepat untuk kehidupan mereka, menjadi aktif dan penyumbang dalam komuniti dan OKU diterima sebagai orang yang berpotensi dalam masyarakat.

Selain program latihan dan kemahiran, penglibatan aktif keluarga dan masyarakat juga adalah penting dalam program pemeraksanaan OKU. Bopertubuhan bukan kerajaan et al. (2018) dalam kajiannya menunjukkan



golongan OKU akan lebih bersemangat dan mahu berubah ke arah lebih baik jika keluarga mereka menyokong mereka. Oleh itu, pihak kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan masih perlu melibatkan keluarga mereka untuk turut serta dalam program yang diikuti bagi membantu golongan OKU lebih berkeyakinan. Ibu bapa yang mengikuti program tertentu secara tidak langsung dapat mempertingkatkan komunikasi dengan pihak agensi mengenai perkembangan ahli keluarga mereka. Program yang memberi kesan langsung bukan sahaja kepada OKU tetapi kepada keluarga mereka. Program ini didapati boleh mengurangkan beban keluarga serta peningkatan dalam perkembangan OKU menjadi lebih berdikari (Sakinah, 2020).

Hasil sorotan literatur yang telah dijalankan ke atas kajian-kajian di Malaysia mendapati OKU penglihatan berhadapan dengan dua isu pekerjaan utama iaitu isu peluang pekerjaan dan isu di tempat kerja (Hazlin Falina et al., 2015; Jiti Tahieng, 1996; Peter & Ferlis, 2014; Wong & Lim, 2017; Wong, 2017). Secara umumnya, isu-isu pekerjaan yang dinyatakan di atas berlaku disebabkan oleh cabaran yang datang daripada ciri-ciri individu dan persekitaran sosial (Duquette & Baril, 2013). Ahli keluarga terutamanya ibu bapa yang mempunyai anak OKU dikatakan sering kali mempunyai sikap negatif yang dikenal pasti sebagai penghalang kepada mereka untuk bekerja (Mellisa, Yen & See, 2011). Aizan Sofia dan Jamiah (2015) mendapati persekitaran kerja yang tidak kondusif menjadi isu kepada OKU untuk bekerja. Dalam konteks OKU penglihatan, persekitaran kerja yang tidak kondusif dan sikap orang sekeliling mengakibatkan mereka mengalami ketidakpuasan kerja dan merasa terabai (Wong, 2017). Justeru, masalah-masalah ini perlu diatasi melalui program-program pemerkasaan pekerjaan yang dianjurkan bagi melengkapi golongan cacat penglihatan agar boleh berhadapan dengan isu dan permasalahan yang dihadapi tentang kerjaya dan alam pekerjaan.

Menurut Zainora Mohammed et al. (2021) yang dipetik dalam Nur Dayana et al. (2022) menerangkan tentang pengalaman golongan OKU penglihatan dalam mencari pekerjaan. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa golongan OKU penglihatan mempunyai pengalaman mencari pekerjaan yang baik dan mempunyai pengalaman bekerja tetapi masih terdapat jurang dalam

sokongan yang diberikan oleh pihak berkepentingan dan majikan kepada golongan OKU penglihatan. Permasalahan golongan OKU tentang pekerjaan dan alam pekerjaan punca kepada jurang di dalam sokongan-sokongan yang diberikan itu yang diteliti di dalam kajian semasa ini.

Selanjutnya, kajian juga dilaksanakan bagi melihat keberkesanan program pemerksaan yang dilaksanakan oleh pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan terutamanya program pemerksaan pekerjaan kepada golongan OKU penglihatan. Pihak kerajaan melalui MPMS telah memberikan dana kepada agensi berkaitan untuk menganjurkan program pemerksaan pekerjaan. Justeru, penilaian ke atas keberkesanan program tersebut perlu dijalankan bagi mendapatkan maklum balas apakah yang perlu diatasi dan diperbaiki bagi menyokong golongan cacat penglihatan di alam pekerjaan.

Secara keseluruhannya, objektif kajian ini dijalankan untuk meneroka program pemerksaan pekerjaan yang dilaksanakan oleh organisasi pertubuhan bukan kerajaan berdaftar di bawah MPMS yang memberikan perkhidmatan pemerksaan kepada golongan OKU penglihatan di Sabah.

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Pendekatan kajian ini adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Pendekatan kajian kualitatif adalah bersesuaian untuk kajian yang berkaitan dengan pemerksaan OKU penglihatan yang memerlukan maklumat daripada penyedia perkhidmatan dan peserta OKU penglihatan yang telah menggunakan perkhidmatan yang disediakan. Dari segi reka bentuk kajian, penyelidik memilih kajian kes berdasarkan kepada keinginan untuk memahami dengan mendalam (Yin, 2003) dan ingin mendapat gambaran jelas (Marohaini, 2004) berkaitan program pemerksaan OKU penglihatan oleh pertubuhan bukan kerajaan di Sabah. Pemilihan peserta menggunakan *purposive sampling* yang berasaskan kepada andaian bahawa penyelidik ingin meneroka, mengetahui dan memahami, maka peserta yang paling banyak boleh dilihat darinya (Merriam, 2009) dan meningkatkan kredibiliti dapatan kajian (Patton, 2002)

dipilih menjadi peserta kajian. Penggunaan kaedah kajian kes ini membolehkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang terperinci tentang program pemerkasaan OKU penglihatan oleh pertubuhan bukan kerajaan di Sabah (Creswell 2007). Seorang peserta kajian dipilih berdasarkan tiga kriteria iaitu (i) OKU Penglihatan; (ii) Menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Persatuan Orang-orang Buta Malaysia Cawangan Sabah dan (iii) Warganegara Malaysia. Reka bentuk kajian kes diguna adalah bersesuaian kerana merujuk kepada ‘pertubuhan bukan kerajaan’ iaitu agensi bagi golongan OKU penglihatan di Sabah dan ‘peserta-peserta program pemerkasaan’ iaitu golongan OKU penglihatan yang menyertai program pemerkasaan yang dianjurkan oleh agensi. Penyelidik menggunakan reka bentuk kajian kes kerana penyelidik ingin mengkaji kumpulan tunggal (iaitu sekumpulan orang OKU penglihatan). Oleh itu, kajian kes adalah pilihan terbaik (Yin, 2003).

### **Peserta Kajian**

Peserta kajian terdiri daripada dua kategori iaitu organisasi pertubuhan bukan kerajaan yang berdaftar di bawah MPMS menerusi Program Pemerkasaan OKU sebagai penyedia perkhidmatan iaitu Persatuan Orang-orang Buta Malaysia Cawangan Sabah. Kategori kedua iaitu golongan OKU penglihatan sebagai pengguna atau penerima perkhidmatan. Miles dan Huberman (1994) menyatakan kajian kualitatif memerlukan sampel yang terdiri daripada populasi yang menjadi kepentingan untuk dikaji. Oleh itu, pemilihan peserta kajian harus merangkumi mereka yang menyediakan dan mengguna atau menerima perkhidmatan ini. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan (*purposive sampling*).

Sebanyak tujuh temubual dijalankan mewakili satu temubual bersama kakitangan agensi dan enam temubual bersama peserta program pemerkasaan. Peserta kajian telah dipilih secara bertujuan dengan menggunakan kriteria inklusif seperti yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Berikut adalah kriteria inklusif yang telah ditetapkan dalam pemilihan peserta secara bertujuan;

- (i) OKU Penglihatan;
- (ii) Menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Persatuan Orang-orang Buta Malaysia Cawangan Sabah;
- (iii) Warganegara Malaysia.

Pemilihan peserta dan analisis data adalah berterusan sehingga mencapai satu tahap yang mana tidak ada lagi maklumat baru ditemui atau maklumat yang diperolehi sudah bertindih dengan maklumat yang diperolehi sebelumnya. Ini dikenali sebagai titik atau tahap ketepuan (*saturated*) (Glaser dan Strauss, 1967; Strauss dan Corbin, 1990, 1998, 2008). Guba dan Lincoln (1985) menjelaskan bahawa kajian yang dijalankan dengan teliti, melalui pemilihan yang dibuat secara bertujuan, berkembang dan berurutan, titik ketepuan boleh dicapai apabila jumlah sampel mencapai 12 orang dan tidak melebihi 20 orang; Douglas (1985) pula menganggarkan 25 sampel. Namun demikian, konsep ketepuan maklumat perlu diseimbangkan dengan limitasi masa, kewangan dan faktor lain. Namun, dalam kajian ini, titik ketepuan telah dicapai apabila sampel sejumlah tujuh orang. Jumlah pemilihan sampel dihentikan pada bilangan peserta ke tujuh data telah mencapai tahap ketepuan.

### **Lokasi Kajian**

Lokasi kajian adalah di pusat perkhidmatan yang terdapat di sekitar daerah Kota Kinabalu dan Sandakan iaitu Pusat Jagaan dan Latihan Kemahiran Bagi Orang Buta Sabah, Kompleks Penyayang Taman Cahaya, Sandakan dan *Wallace Sheltered Centre* di Tuaran, Sabah. Pemilihan lokasi ini adalah berdasarkan penyediaan perkhidmatan oleh Pertubuhan Orang-orang Buta Sabah iaitu di Sabah.

### **Teknik Pengumpulan Data**

#### **a. Temubual Secara Mendalam**

Teknik pengumpulan data pertama yang digunakan oleh penyelidik adalah melalui temubual mendalam (*in-depth*) dengan menggunakan panduan soalan berbentuk semi struktur. Pemilihan kaedah temubual semi struktur adalah sesuai dengan kajian ini agar dapat mengetengahkan aspek keberkesanan sesebuah program dengan lebih mendalam. Pengalaman dan pandangan peserta kajian adalah amat bermakna untuk diketahui bagi menambah baik program yang sedia ada. Hal ini selaras dengan pandangan

Creswell (2013) yang menyatakan pendekatan kualitatif amat berguna untuk meneroka dan menganalisis satu konsep dan tema dengan lebih mendalam.

### **b. Pemerhatian**

Selain itu, teknik pengumpulan data yang seterusnya adalah pemerhatian. Pemerhatian digunakan untuk mengkaji interaksi yang kompleks dalam latar sosial yang sebenar (Othman Lebar, 2018). Rekod pemerhatian biasanya dirujuk sebagai nota lapangan iaitu deskripsi yang terperinci, *nonjudgemental* serta konkrit tentang apa yang telah diperhatikan. Dalam kajian ini, penyelidik telah membuat pemerhatian secara langsung ke atas organisasi yang dikaji, fasiliti dan kemudahan program-program yang dilaksanakan oleh organisasi, organisasi pertubuhan bukan kerajaan seperti Pusat Jagaan dan Latihan Kemahiran Bagi Orang Buta Sabah, Kompleks Penyayang Taman Cahaya, Sandakan dan *Wallace Sheltered Centre* di Tuaran dan asrama pelatih OKU penglihatan di Pusat Jagaan dan Latihan Kemahiran Bagi Orang Buta Sabah, Kompleks Penyayang Taman Cahaya, Sandakan. Hal ini selaras dengan pandangan Jasmi (2012), Patton (1990) dan Taylor dan Bogdan (1984) yang menyatakan kajian yang menggunakan kaedah pemerhatian akan dapat menghuraikan secara terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi dan tingkah laku yang dapat diamati di lapangan. Teknik pemerhatian di dalam pengumpulan data juga sesuai digunakan di dalam reka bentuk kajian kes (Mohamad Nurhafiz et al., 2023).

### **c. Sumber Dokumen**

Teknik ketiga yang digunakan dalam kajian adalah melalui sumber dokumen. Penggunaan teknik ini membolehkan penyelidik memperolehi data tambahan selain daripada teknik temubual dan pemerhatian. Bogdan dan Biklen (1998) menyatakan bahawa istilah dokumen merujuk kepada bahan seperti fotograf, video, filem, memo, surat, diari, rekod kes klinikal serta memo dalam pelbagai bentuk dan jenis yang boleh digunakan sebagai maklumat sokongan kepada temubual dan pemerhatian. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan beberapa sumber dokumen sebagai data kajian seperti laporan akhir yang disediakan oleh organisasi pertubuhan bukan kerajaan selepas melaksanakan program yang dibiayai oleh MPMS dan laporan analisis penilaian program oleh peserta kursus/program kelolaan

organisasi pertubuhan bukan kerajaan bagi mendapatkan gambaran awal tentang pandangan peserta kursus/program kelolaan pertubuhan bukan kerajaan. Selain dari itu, kertas kerja perancangan program-program pertubuhan bukan kerajaan, kertas kerja permohonan dana kerajaan oleh pertubuhan bukan kerajaan yang telah diluluskan juga turut diteliti. Sumber dokumen yang berkaitan juga turut diteliti di dalam proses pengumpulan data selain daripada dokumen dasar dan peraturan kerajaan dan agensi pemberi dana. Menurut Mohamad Nurhafiz et al., (2023), sumber dokumen juga banyak digunakan di dalam kajian yang menggunakan reka bentuk kajian kes.

### **Protokol temubual**

Kajian ini menggunakan protokol temubual panduan soalan berbentuk semi struktur sebagai instrumen kajian. Sebelum temubual diadakan, penyediaan struktur soalan yang tersusun dan mencapai objektif adalah perlu. Panduan soalan berbentuk semi struktur telah disediakan oleh mereka yang pakar dalam bidang yang dikaji.

### **Panduan Soalan**

1. Bolehkah tuan/puan nyatakan program pemeraksanaan yang dijalankan (disertai) di sepanjang tahun 2020-2022 ini?
2. Dengan memberi satu contoh program pemeraksanaan yang bersesuaian, kenapakah pihak tuan/puan menjalankan (menyertai) program ini? (Apakah objektif program tersebut?)
3. Adakah tuan/puan berpuas hati dengan pencapaian program/aktiviti tersebut?

### **Analisis Data**

Data temubual yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik oleh Braun dan Clarke (2006). Merujuk Braun dan Clarke (2006), analisis tematik meliputi enam proses utama yang perlu dilakukan oleh penyelidik iaitu (i) membiasakan diri dengan data, (ii) menjana kod

permulaan, (iii) mendapatkan tema, (iv) menyemak kod, (v) mendefinisi dan menamakan tema dan peringkat terakhir adalah (vi) penghasilan laporan.

**Pertimbangan Etika**

Persoalan etika telah menjadi perkara penting dalam menjalankan sesuatu kajian (Creswell, 2012; Rubin & Babbie, 2014, Chua, 2014a; Chua, 2014b; Blaikie, 2009). Sebelum kajian ini dijalankan, kebenaran daripada setiap peserta adalah perlu. Langkah pertama yang dilakukan adalah memohon kebenaran daripada setiap ahli MPMS, peserta kursus/program kelolaan organisasi pertubuhan bukan kerajaan di sepanjang tahun 2020-2022 untuk dilibatkan dalam kajian ini. Menerusi surat memohon kebenaran ini, peserta kajian telah dimaklumkan tentang objektif kajian, jumlah peserta yang bakal terlibat dan maklumat tentang sesi temubual, pemerhatian yang bakal diadakan dan edaran kaji selidik.

Setelah mendapat kebenaran untuk menjalankan kajian, sesi temubual dan pemerhatian dijalankan. Sebelum sesi pengumpulan temubual dilakukan, semua peserta kajian telah diberikan penerangan secara terperinci tentang sifat temubual, pemerhatian dan peranan mereka dalam konteks kajian ini. Borang Persetujuan Termaklum (*Informed Consent*) disediakan dan peserta kajian bersetuju untuk terlibat dalam kajian ini.

**DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

**Demografi Peserta**

Kajian ini melibatkan seramai tujuh peserta kajian yang terdiri daripada seorang penyelarar program/staf dan seramai enam orang peserta OKU penglihatan.

Jadual 1: Maklumat Demografi Peserta Pengelola Organisasi Pertubuhan Bukan Kerajaan

<b>Peserta</b>	<b>Jawatan</b>
Peserta 1	Penyelaras program/Staf

Jadual 2: Maklumat Demografi Peserta OKU Penglihatan

Peserta	Umur
Pelatih 1	28
Pelatih 2	30
Pelatih 3	26
Pelatih 4	25
Pelatih 5	27
Pelatih 6	33

Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat tiga tema yang terhasil melalui analisis temubual berkaitan dengan program pemeraksanaan pekerjaan OKU penglihatan yang dikelola oleh pertubuhan bukan kerajaan iaitu memberikan kemahiran dan peluang pekerjaan, peningkatan keyakinan diri dan persekitaran yang kurang menerima kehadiran OKU penglihatan. Setiap tema ini dibincangkan seperti di bawah. Bagi tema pertama yang terhasil iaitu ‘memberikan kemahiran dan peluang pekerjaan’, kod atau subtema seperti contoh-contoh kemahiran seperti kemahiran mengurus, kemahiran menggunakan komputer, kemahiran di dalam bercucuk-tanam, kraftangan, penggunaan mesin *braille*, belajar untuk berdikari adalah antara subtema/kod yang terkumpul. Seterusnya, kemahiran-kemahiran yang diperolehi tersebut memberikan peluang pekerjaan kepada mereka samada bekerja di luar atau di institusi/agensi pengelola.

### **Memberikan Kemahiran dan Peluang Pekerjaan**

Daripada kajian yang dijalankan, penyelidik mendapati tema pertama yang terhasil selepas mengikuti program-program pemeraksanaan pekerjaan adalah *memberikan kemahiran dan peluang pekerjaan kepada peserta*. Antara program pemeraksanaan yang disediakan di institusi ini adalah refleksologi (mengurut), kemahiran komputer seperti teknologi maklumat, kraftangan seperti menganyam bakul dan bertani. Selain itu, pelatih juga telah diberikan program pemulihan untuk mendidik dan membiasakan diri mereka dengan keadaan persekitaran. Apabila pelatih OKU sudah boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran, mereka diletakkan di program lain yang bersesuaian sama ada bertani, kraftangan atau mengurus. Peserta dalam kajian ini menyatakan program pemeraksanaan pekerjaan yang disediakan oleh institusi boleh memberikan kemahiran dan seterusnya peluang pekerjaan. Pelatih turut melaporkan bekerja dapat menampung perbelanjaan keperluan mereka.

*“Kita [institusi] buat macam urut, lepas tu kita buat IT, ada yang mau pergi kraftangan [pelatih], kita bagi pergi*



*kraftangan, pergi bertani, tapi pertanian memang kita wajibkan macam .. Ramai, kami punya anggaran masa tu mau dekat 40 orang [pelatih], bercampur lelaki perempuan dengan yang sedia ada [yang berada di institusi] dengan yang luar [OKU yang tinggal di luar institusi] semua la..”*

(Staf pertubuhan bukan kerajaan)

*“Saya belajar mengenai errr apa, berdikari, belajar mengenai bidang bidang macam bidang pertanian, IT, braille, tulisan orang buta titik titik tu kan, kraftangan danurut..”*

(Pelatih 1, umur 28 tahun)

*“Sekarang saya lah kerja, kerja urut lah, kraftangan ... buat bakul, buat beg-beg ... kalau bagi saya kraftangan tu lah bagus, tapi dia [kraftangan] punya apa ini, pasaran dia kuranglah ... tu salah satu la, peluang pekerjaan ... ada potensi ... saya setuju ... macam lah, apa ini IT [peluang pekerjaan bagus] tu, kalau boleh dipertingkatkan lagi la, macam saya kan, saya belajar sini [di Persatuan Orang Buta Sabah], pernah saya kursus di tempat lain tidak sampai target tempat saya belajar tu, di sini [di institusi] sampai target itu [belajar kemahiran dan dapat pekerjaan]... saya ikut kursus, saya bekerja, untuk perbelanjaan lah..”*

(Pelatih 2, umur 30 tahun)

*“Saya masih berada di sini saya tidak habis belajar, saya belajar tiga bulan saja, boss ambil saya kerja sini lah sebab saya nampak berpotensi.. kalau saya tidak silap dari tahun 2013 saya kerja di sini. Kerja macam mesin rumput, potong bunga, buang sampah sama macam saya tidur di asrama kan kira jaga pelatih-pelatih lain jugalah sebab saya masih boleh nampak banding pelatih-pelatih lain ... gaji dibayar rm400 lebih ....”*

(Pelatih 2, umur 30 tahun)

*“Yang penting saya mau kerja, ya ah ... walaupun bukan dengan sijil saya yang ada... asalkan saya ada kerja, saya cuba-cuba untuk fikir yang positiflah, saya punya fikiran banyak negatif, saya banyak hadir temuduga, banyak reject,, sebab tu saya datang ke sini, saya mau belajar... sebab tu juga encik ambil saya di sini, keluarga pun tidak menghalang, keluarga tu pun tidak menghalang.”*

(Pelatih 3, umur 26 tahun)

*“Ada, kalau average yang berumur 22 tahun ke atas, niat dorang memang untuk bekerja, kalau umur 40 kebanyakannya kami jumpa yang pencen, tapi kenapa kita ambil juga dorang [OKU dewasa], sebenarnya untuk melatih dorang untuk independent, maksudnya bila dorang di rumah dorang boleh urus diri sendiri tidak bergantung pada isteri, kadang isteri dorang kerja lagi kan, kadang anak ada urusan sendiri, jadi dorang tertinggal sendiri di rumah ..”*

(Staf pertubuhan bukan kerajaan)

Sesi temubual bersama agensi dan peserta-peserta program pemerkasaan di lakukan di agensi terbabit. Penyelidik datang sendiri ke agensi dan melakukan temubual. Selepas sesi temubual selesai dilakukan, penyelidik berpeluang untuk membuat lawatan ke seluruh kawasan agensi melihat sendiri antara hasil program pemerkasaan pekerjaan seperti hasil kraftangan, kebun tempat bercuruk tanam dan melawat bilik-bilik/ruang belajar seperti menggunakan mesin *braille* dan ruangan belajar mengurut. Penyelidik juga berpeluang menggunakan perkhidmatan yang disediakan seperti perkhidmatan urut badan dan merasai sendiri kemahiran mengurut (refleksiologi) yang ada pada peserta program.

Kajian-kajian terdahulu membuktikan bahawa dengan adanya pendidikan atau pun kemahiran akademik atau sekurang-kurangnya menamatkan

pengajian di peringkat sekolah akan meningkatkan peluang pekerjaan buat OKU penglihatan (Bell & Mino, 2013; 2015; McDonnall & Crudden, 2009; Clements, Douglas & Pavey, 2011; Jo, Chen & Kosciulek, 2010). Selain daripada pendidikan formal, pendidikan yang bersifat kemahiran juga dapat memberikan peluang pekerjaan kepada golongan OKU penglihatan. Pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan yang mewakili OKU penglihatan boleh mempergiatkan lagi usaha supaya peluang pekerjaan dan sokongan dapat disediakan kepada OKU penglihatan (Nasir & Efendi, 2020).

### **Peningkatan Keyakinan Diri**

Tema kedua yang terhasil daripada kajian keberkesanan program pemerksaan OKU penglihatan adalah peningkatan keyakinan diri peserta. Peserta kajian melaporkan:

*“Sebab kita tidak mahu dorang [OKU] ini tercicir lebih awal.. untuk jalani latihan lebih awal, terutamanya melibatkan untuk dorang berdikari .. biasanya kami [institusi] ambil ni yang sekolah tidak terima [OKU tidak diterima belajar di sekolah biasa].. kadang yang saya jumpa di sini [di institusi], ada yang masalah macam lembab pembelajaran, jadi dorang belajar habis di situ saja [seTakat mana yang pihak sekolah mampu untuk mengajar pelajar OKU], lepas tu exam pun dorang tidak boleh, dorang ditolak ..”.*

(Staf pertubuhan bukan kerajaan)

*“Keberanian [keyakinan diri] tu datang dari sini [dari institusi tempat peserta OKU belajar] sebab kita sudah diajar kan, dan macam mana kita mau berkomunikasi dengan orang luar, tapi, kita diajar, diajar, oleh staf di sini [staf di institusi], selalu berkomunikasi dengan orang luar, biar tidak dikenal, tegur saja...dalam satu kelas diajar, dalam ceramah, taklimat macam tu ada saja dia [tenaga pengajar] sentuh bab ini... supaya kami selalu ingat apa yang diajarlah...Contoh, kalau kita baru*

*sampai dari kampung kan, masuk fasa pemulihan, di fasa pemulihan diajar supaya yakin dengan persekitaran .. saya juga belajar juga mengurus, boleh boleh sudahlah, boleh sudah cari kerja, cari kerja di KK bulan lima ini, cari kerja...”*

(Pelatih 3, umur 26 tahun)

*“Kadang lepas 3 bulan ada yang boleh terus pergi kemahiran, ada juga yang kita [Institusi] bantu setakat untuk urus diri sendiri saja macam mana mengemas katil, dia boleh mandi, makan, urus kencing berak, setakat itu, ada lagi yang boleh atau mampu untuk belajar pergi braille dia boleh ikut kemahiran IT, ada yang pergi kraftangan, pertanian, mana yang okay cepat la kita [Institusi] angkat pergi kemahiran .. mereka boleh berada di sini untuk satu tahun sahaja lepas tu, kena keluar bekerja dengan kemahiran yang dorang [OKU] sudah dapat dari sini [dari institusi]”*

(Staf pertubuhan bukan kerajaan)

Dalam sesi temubual bersama golongan OKU penglihatan juga, menerusi riak muka dan tutur bicara mereka, penyelidik dapat beranggapan bahawa peserta program pemeraksanaan pekerjaan ini begitu seronok dan berpuas hati berada di institusi dan menyertai program-program yang disediakan. Mereka memberikan respon yang positif, diselangi dengan tawa mereka, kelancaran mereka menjawab soalan-soalan yang diutarakan oleh penyelidik. Seperti golongan normal yang lain, penyelidik memerhati golongan cacat OKU ini seronok berada di dalam lingkungan mereka (yang mempunyai masalah kecacatan yang sama), mereka seolah berasa seperti diterima oleh rakan-rakan juga pengelola program atau agensi. Mereka duduk, melakukan kerja-kerja kraftangan bersama dan berjalan di dalam kumpulan, berbual-bual sesama mereka serta bergurau senda. Ini seolah menunjukkan keyakinan diri mereka iaitu program-program pemeraksanaan yang

memberikan kemahiran pekerjaan kepada mereka sedikit sebanyak telah meningkatkan keyakinan dan kepercayaan diri mereka terhadap diri sendiri. Diperhatikan, mereka tidak bersendirian dan tidak memencilkan diri. Mereka mengalu-alukan kehadiran para penyelidik di insititusi mereka, memberikan senyuman, memberikan ucapan salam dan menyapa kehadiran penyelidik di sekitar mereka.

Pihak kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili OKU penglihatan boleh mempergiatkan lagi usaha supaya peluang pekerjaan dan sokongan dapat disediakan kepada OKU penglihatan (Nasir & Efendi, 2020). Kerajaan optimis untuk meningkatkan penyertaan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam pasaran pekerjaan terbuka, inklusif dan boleh diakses bagi menggalakkan mereka hidup berdikari dan menyumbang kepada pembangunan negara (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2016).

### **Persekitaran Yang Kurang Menerima Kehadiran OKU**

Seterusnya, tema ketiga yang terhasil daripada kajian keberkesanan program pemerksaan OKU penglihatan adalah persekitaran yang kurang menerima kehadiran OKU seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian ini. Dalam kalangan ibu bapa dan keluarga golongan OKU itu sendiri, seakan kurang yakin dengan kebolehan anak-anak OKU mereka untuk berdikari. Walhal, sekiranya anak-anak OKU diberikan kemahiran, diajar dan diasuh dengan baik kemahiran-kemahiran yang mereka perlukan ia pasti akan dapat memberikan kemahiran pada diri mereka. Seteruannya, sekiranya golongan OKU yang memperoleh kemahiran, mereka hendaklah diberikan peluang untuk berdikari dengan baik.

*“Kami [institusi] masuk kampung sendiri jumpa dorang [ibu bapa golongan OKU], tengok macam mana keadaan dorang [anak-anak OKU], lepas tu dorang [ibu bapa] tidak peluang untuk kami ambil anak dorang tu, di rumah diam saja tidak buat apa-apa [anak-anak OKU], ibu bapa jadi penghalang untuk kami, sedangkan kebanyakan selepas latihan, itulah yang boleh bantu orang tua dorang lagi ada ..”*

(Staf pertubuhan bukan kerajaan)

*“Salah satunya, kalau yang kita ambil yang sudah bekerja sebab kita mau dorang [anak-anak OKU] tidak lupa dorang punya latihan, jadi bila dorang masuk kerja balik, dorang sudah ada prepare, keduanya, kita [institusi] jalankan latihan kemahiran ini kebanyakan yang bila kita ambil dorang daripada kampung kadang-kadang ibu bapa kurung dorang [anak-anak OKU] di bilik, jadi pendedahan tu tidak ada .”*

(Staf pertubuhan bukan kerajaan)

*“Saya rasa puas hati juga errr sebab saya dapat kenal rakan-rakan baru [rakan baru di institusi], ilmu-ilmu baru tu lah macam saya cakap tadi dari dulu tidak boleh berdikari, sekarang boleh sudah .. ke mana-mana tu pun boleh pigi sendiri, tidak mengharap orang, saya boleh naik bas sendiri, naik van, tidak mengharap orang lagi... ada sesetengah yang tidak boleh membantu [orang awam yang tidak mahir membantu OKU], mungkin dia [orang awam] ndak terdedah lagi macam kami ini, mungkin dia kasih biar saja [orang awam yang membiarkan mereka] ...ada separuh yang sudah tau [yang sudah tau, boleh membantu]”.*

(Pelatih 4, umur 25 tahun)

Ahli keluarga terutamanya ibu bapa yang mempunyai anak OKU dikatakan sering kali mempunyai sikap negatif yang dikenal pasti sebagai penghalang kepada mereka untuk bekerja (Mellisa, Yen & See, 2011).

Kajian yang dijalankan oleh Aizan Sofia dan Jamiah (2015) mendapati persekitaran kerja yang tidak kondusif menjadi isu kepada OKU untuk

bekerja. Dalam konteks OKU penglihatan, persekitaran kerja yang tidak kondusif dan sikap orang sekeliling mengakibatkan mereka mengalami ketidakpuasan kerja dan merasa terabai (Wong, 2017).

Hasil sorotan literatur yang telah dijalankan ke atas kajian-kajian di Malaysia mendapati OKU penglihatan berhadapan dengan dua isu pekerjaan utama iaitu isu peluang pekerjaan dan isu di tempat kerja (Hazlin Falina et al., 2015; Jiti Tahieng, 1996; Peter & Ferlis, 2014; Wong & Lim, 2017; Wong, 2017). Secara umumnya, isu-isu pekerjaan yang dinyatakan di atas berlaku disebabkan oleh cabaran yang datang daripada ciri-ciri individu dan persekitaran sosial (Duquette & Baril, 2013).

Peserta lebih suka untuk terus berada di institusi kerana merasakan mereka mempunyai kawan dan persekitaran yang menerima mereka.

*“Saya berada di sini [di institusi] mau sokongan kawan-kawan lah, saya ada peluang belajar ilmu, saya dulu sebelum saya masuk sini [di institusi], urut bapa, sakit kaki ... di sini saya belajar poin-poin lain fungsi-fungsinya bersama kawan-kawan di sini, pengajar pun memahami saya ... saya keluar mengurut cari pengalaman, bekerja, ada pendapatan ada lah duit, boleh bantu keluarga. Adalah jugalah kirim kirim duit, ada jugalah duit sikit...”*

(Pelatih 5, umur 27 tahun)

*“Ada panggilan dari Sandakan mengasihtau ada buat temu janji saya diberitahu tentang pusat latihan ini. Saya pun berminat time itu. .. Saya rasa puas hati juga errr sebab saya dapat kenal rakan-rakan baru ..”*

(Pelatih 6, umur 33 tahun)

*“Dia belajar di sini [kawan yang pernah berlatih di institusi], dia sudah kerja, dia balik sini sebab dia suka di sini [di institusi] dia juga beritahu saya bagi keyakinan saya untuk cari dapat kerja dan pendapatan lebih...”*

(Pelatih 3, umur 26 tahun)

“Saya masuk IPT tahun 2014, sehingga tahun 2017 dalam bidang Ekonomi dan Sumber Manusia .. susah mau dapat pekerjaan kerana OKU. Mungkin dinampak macam tidak sempurna .. Mungkin kalau fizikal boleh lagilah tapi kalau tidak nampak ni keupayaan tu terbatas... awalnya saya mengisi waktu sajalah datang ke sini {ke institusi} ke Taman Cahaya ini.. hujung tahun 2018 di Padang Bandaran kebetulan ada Progam Tongkat Putih. Saya masih mencari kerja, dorang [pihak institusi] pun terkejut tinggi pendidikan saya ... untuk mengisi waktu, setahun saya mengganggur, tidak dapat juga kerja kerja di kedai sebab dorang [organisasi pekerjaan] mau yang nampak juga. Pertama, untuk mengisi waktu, kedua untuk bersosial sebab kehidupan saya masa saya di universiti, saya lebih kepada sendiri, menyendiri tanpa.. kawan tu ada, cuma nda berapa rapatlah, group assginment begitu begitu sajalah.. kalau di sini [di institusi] lebih kepada keluarga, bukan macam kawan-kawan, lebih ada kawan di sini .. kalau di sini saya didedahkan kepada macam mana bersosial, macam di universiti tiada yang ambil berat... masa di IPTA, tapi di sini OK ramai kawan, bersosial...iya, datang ke sini lebih dari kawan, kita diterima macam adik-beradik, kiranya tempat di sini macam saya rumah kedua lah, macam keluargalah... macam kalau pelatih mau balik kah apa kah, sedih lah, pelatih di sini macam keluarga, ambil tau apa masalah orang... di IPT dulu tidak rapat ...mungkin saya memang begitulah, hidup saya menyendiri begitu, di sana hidup kurang ramah, dorang kenal saya cuma dorang tidak tegur-tegur; kalau di sini sampai, sampai saja semua menegur .. walaupun orang tu sudah disahkan bekas pelatih, dorang akan ingat tempat ni, balik sini, sentiasa contact, selalu datang, dorang [orang normal/orang awam] nda faham apa yang OKU penglihatan ni mau, dorang tau, mau bantu mau bantu tapi ndak tau macam mana, Ya, di sini dapat sokongan emosi, bukan kau



*[kita] belajar saja tapi macam mana mau berdikari, di sini bukan kau belajar saja macam braille saja kan .. yang difokuskan di Taman Cahaya ini macam mana kau mau hidup tanpa mengharap orang lain.. saya di sini belajar berkomunikasi, kalau dulu gugup .. boleh down..”*

(Pelatih 1, umur 28 tahun)

Pihak kerajaan tempatan yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran bandar dan perkhidmatan boleh mengambil langkah khusus untuk meningkatkan kualiti hidup golongan rentan seperti warga emas dan OKU dengan memenuhi keperluan mereka. Keperluan setiap OKU ini dan tahap keterukan ketidakupayaan adalah berbeza. Kerajaan tempatan bertanggungjawab terhadap keperluan yang berada di bawah bidang kuasa dasar awam, manakala individu dan keluarga memenuhi keperluan psikososial. Kaedah penyelesaian mestilah menangani isu mereka secara holistik. Memenuhi objektif ini menyumbang kepada pencapaian matlamat dasar awam seperti kemasukan, kesaksamaan dan pengarusperdanaan (Norfatin Nadhiah, 2021).

Objektif yang berkaitan dengan setiap keperluan berikut adalah keperluan fizikal dan mobiliti yang digunakan untuk membolehkan akses individu ke bandar, kawasan kediaman dan rumah. Keperluan sosial dan sivik adalah untuk menghapuskan halangan yang menghalang golongan rentan seperti warga emas dan OKU daripada mencipta dan mengekalkan rangkaian sosial dan memenuhi tanggungjawab sivik mereka. Keperluan fizikal dan mobiliti adalah untuk membolehkan OKU atau mobiliti mencari rezeki, hidup berdikari yang mungkin, dan menyumbang kepada aktiviti bandar. Selain itu, keperluan pendapatan adalah penting untuk menjamin OKU mempunyai akses kepada pendapatan atau diberi pendapatan asas yang mencukupi untuk menjamin bahawa mereka mempunyai taraf hidup minimum yang boleh diterima (Norfatin Nadhiah, 2021).

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, keberkesanan program pemerksaan OKU penglihatan dalam kajian ini merangkumi tiga tema iaitu memberikan kemahiran dan peluang pekerjaan, peningkatan keyakinan diri dan persekitaran yang kurang menerima kehadiran OKU penglihatan. Tema pertama dan kedua adalah

berkenaan dengan kebaikan-kebaikan yang diperoleh selepas golongan OKU cacat penglihatan menyertai program-program pemerksaan pekerjaan yang dianjurkan oleh agensi bukan kerajaan berkaitan. Hasil kajian memperlihatkan bahawa golongan OKU memberikan respon positif terhadap program-program pemerksaan pekerjaan yang dianjurkan kerana menurut mereka program-program pemerksaan yang dianjurkan dapat memberikan kemahiran pekerjaan dan seterusnya peluang-peluang pekerjaan kepada mereka. Selain itu, dengan kemahiran-kemahiran peluang pekerjaan yang mereka perolehi, ia sekaligus dapat meningkatkan keyakinan kepada diri mereka. Manakala, tema ketiga iaitu persekitaran yang kurang menerima kehadiran golongan OKU perlu diambil perhatian oleh pihak berwajib. Bagaimana pihak berwajib boleh membantu di dalam memberikan kesedaran kepada keluarga, organisasi pekerjaan dan komuniti akan keperluan-keperluan golongan OKU cacat penglihatan ini.

Ternyata untuk memperkasakan OKU penglihatan, haruslah menyediakan program berkesan yang memberikan ilmu pengetahuan, kemahiran, keyakinan diri, kesedaran serta penerimaan persekitaran terhadap OKU penglihatan seperti ibu bapa, keluarga dan masyarakat. Justeru itu, semua tema yang terhasil wajar diberi perhatian serius oleh agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili kepentingan OKU selaras dengan peranan pertubuhan bukan kerajaan sebagai 'sektor ketiga' yang membantu menyelesaikan masalah dan menangani pelbagai keperluan sosial di Sabah khususnya terutama sekali masalah yang tidak dapat ditangani oleh agensi kerajaan dan sektor swasta. Justeru itu, maklumat ini sangat penting kepada agensi kerajaan untuk memperkasakan peranan dan meningkatkan kapasiti pertubuhan bukan kerajaan dengan menyalurkan pelbagai bentuk sokongan seperti dana agar terus konsisten menjalankan aktiviti atau program kepada kumpulan sasar.

### **Kenyataan Persetujuan Termaklum**

Saya mengakui bahawa penyertaan saya dalam kajian ini adalah secara sukarela dan saya berhak menarik diri sebagai peserta pada bila-bila masa sahaja tanpa memberikan justifikasi dan tidak dikenakan sebarang penalti. Saya dengan rasa rendah diri bersetuju menyertai kajian ini.

### **Konflik Kepentingan**

Penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan dan penerbitan kajian ini.

### **Pernyataan Etika**

Semua prosedur yang dilaksanakan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti Malaysia Sabah. Kebenaran dan persetujuan menyertai kajian telah diperolehi daripada semua peserta kajian.

### **Sumbangan Pengarang**

Norhamidah Jarimal @ Safri merupakan penyelidik yang telah menyumbang dalam penambahbaikan artikel ini iaitu di bahagian pendahuluan, metodologi, dapatan kajian dan perbincangan artikel ini.

### **Kewangan**

Kajian ini ditaja melalui Projek Penyelidikan Geran Luar Universiti Malaysia Sabah daripada Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah dengan Kod Projek: LPK2201.

### **Penghargaan**

Tiada.

### **Pernyataan Ketersediaan Data**

Tiada.

### **RUJUKAN**

- Aizan Sofia, A., & Jamiah M. (2015). Geography, poverty and Malaysia disabled women. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space*, 11(7), 82-91.
- Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008. Didapatkan dari Jabatan Peguam Negara. Diakses <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20685%20-0%20Akta%20Orang%20Kurang%20Upaya%202008.pdf>

- Bell, E. C., & Mino, M. M. (2015). Employment outcomes for blind and visually impaired adults. *Journal of Blindness Innovation and Research*, 5(2). doi: <http://dx.doi.org/10.5241/5-85>.
- Bell, E. C., & Mino, N. (2013). Blind and visually impaired adult rehabilitation and employment survey. *AFB Access World Magazine*, 3(1). doi: <http://dx.doi.org/10.5241/2F1-35>.
- Bogdan, R. C. and Biklen, S. K. (1998). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*, (3<sup>rd</sup> edition). Boston: Allyn & Bacon.
- Braun, V. and Clarke, V. (2006) Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2). pp. 77-101. ISSN 1478-0887 Available from: <http://eprints.uwe.ac.uk/11735>.
- Charmilaa, K., Ahmad Azam, M. S., Mohamad Azhan, Y. dan Muhammad Muqris Alif Z. (2022). Adakah penyediaan kemudahan awam untuk orang kurang upaya di Malaysia mencukupi? Satu tinjauan sosioperundangan ringkas. *Jurnal Muwafakat*, 5(2), 73-85.
- Creswell, J.W. (2005). *Research design: Qualitative and quantitative approach*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Creswell, J.W. (2013). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among the five approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication..
- Clements, B., Douglas, G., & Pavey, S. (2011). Which factors affect the chances of paid employment for individuals with visual impairment in Britain? *WORK: A Journal of Prevention, Assessment and Rehabilitation*, 39(1), 21-30.
- Crudden, A., McDonnall, M., & Hierholzer, A. (2015). Transportation: An electronic survey of persons who are blind or visually impaired. *Journal of Visual Impairment & Blindness*, 109, 445.
- Douglas, J. D. (1985). *Creative Interviewing*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Duquette, J., & Baril, F. (2013). Factors influencing work participation for people with a visual impairment. *Documentary Research Report, Institut Nazareth & Louis Braille*.
- Glaser, B. and Strauss, A. (1967). *The Discovery of Grounded Theory*. Chicago: Aldine.
- Guba, E. and Lincoln, Y. 1985. *Naturalistic Inquiry*. New York: Sage.
- Hazlin Falina, R., Safura A. S., Norazla A. W., & Nurzakira Afnee Z. (2015). Kesedaran golongan majikan terhadap orang kurang upaya

- (OKU) di Malaysia: Melalui perspektif media. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2 nd ICoMM)*.
- Hammad, M. S., Aizan Sofia, A., Nur Saadah, M., A., Mohd Nasir, S. & Mohd Iqbal Haqim, M. N. (2018). Isu dan Cabaran Pekerjaan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(4), 55-65.
- Jasmi. K.A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dan Penyediaan Kualitatif. Dalam Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 di Puteri Resort Melaka pada 28-29 Mac 2012*. Institut Pendidikan Guru Malaysia, Johor Bahru.
- Jiti Taheing. (1996). Komuniti cacat penglihatan dan masalah mendapatkan pekerjaan: Satu kajian kes di Bandaraya Kuala Lumpur. Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan. Universiti Malaya.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2016). Pelan Tindakan OKU 2016-2022. [http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan\\_OKU\(EMAIL\).pdf.html](http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU(EMAIL).pdf.html).
- Marohaini Yusoff. (Eds). (2004). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja kajian lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Miles, M. B. and Huberman, A. M. (1984). *Qualitative Data Analysis: A Source Book of New Methods*. Beverly Hills, CA: Sage.
- McDonnall, M. C., Crudden, A., & O'Mally, J. (2015). Predictors of employer attitudes toward people who are blind or visually impaired as employees. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 42, 41-50.
- Melissa, Ng Lee, Yen, Abdullah, & See, Ching Mey. (2011). Employment of people with disabilities in Malaysia: Drivers and inhibitors. *International Journal of Special Education*, 26(1), 112-124.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Fransisco: Jossey-Bass.
- Mohamad Nurhafiz, H., Mohd Aif, J. dan Nasliza Aarina, M. N. (2023). Kajian Kes, dalam Norruzetati Che Mohd Nasir (eds), *Penyelidikan Kualitatif: Prosedur, Praktis dan Aplikasi*, ms 100-117, UUM Press: Sintok.
- Mohd Alif bin Jasni. (2018). *Keperluan Program Pascapembebasan dan Jagaan Lanjutan Berasaskan Komuniti Untuk Bebas Banduan*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.

- Nasir, M.N.A & Efendi, A.N.A.E (2020). Vagrants, entrepreneurs, or desperate people? Legal and media discourse on blind tissue sellers. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(2), 19-38.
- Norfatin Nadhiah (2021). Cabaran OKU Untuk Mendapatkan Pekerjaan dan Hubungkait Dengan Majikan.
- Nur Dayana, M. K., Muhammad, S., Dayang Puteri Nazirah, I., Azizah, M. R. & Azizah, M. R. (2022). Analisis Isu-isu Berkaitan Hak dan Permasalahan Orang Kurang Upaya di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Muwafaqat*, 5(1), 33-51.
- Othman, L. (2018). Penyelidikan Kualitatif. Pengenalan Kepada Teori dan Metode. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2<sup>nd</sup> ed.). CA: Sage Publication, Inc.
- Patton, M., Q. (2002). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (3<sup>rd</sup> edition). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Peter, V., & Ferlis, B. (2014). Cabaran pekerjaan dan kesan kepada kesejahteraan hidup OKU penglihatan yang berkeluarga di Sabah. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu, Sabah, 11 Disember.
- Sakinah Sidek. (2020). *Pelaksanaan Program Pemulihan Dalam Meningkatkan Kebolehan Pelatih Orang Kurang Upaya Melakukan Aktiviti Harian*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Taylor, S.J. dan Bogdan, R. (1984). *Introduction in Qualitative Research Method: The Search for Meaning. Second Edition*. Toronto: John Wiley and Sons
- Turmusani, M., Vreede, A. & Wirz, S.L. (2002). Some ethical issues in community-based rehabilitation initiatives in developing countries> *Disabil Rehabil* 24(10), 558-564.
- Wong, H. S., & Lim T. H. (2017). Cabaran dan Masalah utama yang dihadapi oleh belia OKU penglihatan. *Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan 2017 Ke Arah Aspirasi Belia Masa Hadapan*.
- Yin R. K. (2003). *Case study research: Design and methods*. 3rd Xu, Jianzhong.